

Alhamdulillah suatu berita tersebar menyatakan bahawa Tuan Haji Ahmad Fuad telah dilantik menjadi salah seorang ahli sensor filem bagi Persekutuan Tanah Melayu. Biasanya orang jadi filem sensor ialah lebih dahulu melihat keadaan gambar-gambar yang hendak ditunjukkan dan mana-mana yang tidak patut minta dipotong. Dengan itu sudah tentu banyak gambar-gambar 90 persen telanjang dan ciuman-ciuman yang hebat yang belum dilihat oleh orang ramai sudah dilihat terlebih dahulu. Kita tidak tahu apa hukumnya dalam perkara ini tetapi boleh jadi ini mengharuskan untuk kebijakan orang ramai. Kalau begitu dalam sedikit masa lagi kita berharap dengan adanya seorang ulama menjadi sensor filem di dalam persidangan harus tidak nampak filem ciuman-ciuman dan 90 persen telanjang dan lain-lainnya yang merosakkan akhlak iaitu kalau ia menjalankan kewajipannya iaitu kerana Allah. Kalau sebaliknya “daripada rakyat kerana rakyat untuk rakyat” kita tidak berani tanggung sebab beseran sudah ada, nama jadi ulama terpampang tetapi bekerja bukan kerana Allah.

* * *

Ada seorang kawan setelah kena “belasah” disebabkan perbuatannya membelakangkan usul syarak dikatakan telah berkata bahawa langkah membela sahnya itu melampau kerana sedangkan Tuhan mengampunkan kelemahan atau kesalahan hambanya. Ini betul kalau orang itu taubat nasuha dan kalau berbalik-balik maka taubat yang demikian tidak dapat diampunkan terutamanya kalau perbuatannya kerana mencari nama, kerana kemegahan dan ketinggian dengan wang dan hartanya tidak kerana Allah. Yang demikian ini tidak dapat diampunkan.

* * *

Ada yang lebih hebat lagi daripada orang ini kononnya dengan hartanya, jika ia mahu ia boleh membeli dan menutup mulut orang surat khabar daripada memperkatakan hal ehwalnya. Ini tidak betul kalau main pukul burung. Kita tidak nafikan ada orang surat khabar yang dengan secawan teh boleh dibeli tetapi jangan pula lupa ada orang surat khabar walau dilonggokkan emas di hadapannya tidak akan belot – jadinya orang surat khabar yang boleh dibeli itu orang yang tidak berpendirian dan orang yang tidak boleh dibeli itu tidak akan gentar dengan ugutan-ugutan. Ingat jangan hidung terlalu tinggi dibusungkan dengan sifat takbur. Orang tentu akan melawan takbur itu dengan takbur dengan berpandu kepada sabda Nabi “takbur atas orang yang takbur itu didekah” faham apa tidak?!

* * *

Orang UMNO berasa megah dengan adanya persidangan meja bulat di antaranya dengan MCA. Meja bulat itu tujuannya sudah tentu akan merancangkan kemerdekaan Malaya akan datang. Kemerdekaan apa? Rundingan kerana menyerahkan hak Melayu kepada Cinakah? Kita sahajalah yang selalu memberi sedang orang makin golong dan bolot. Untuk

mereka universiti Cina dirancangkan, boleh jadi juga mulut taksub hatinya menyertai Chiang Kai Shik akan menyerang tanah besar China sebahagian mereka ribut-ribut meminta Amerika menyokongnya – inikah dia contoh ketaatan tidak berbelah bahagi? Kita harap jangan mudah sangat mengadakan rundingan sebelum difikirkan masak-masak supaya nanti jangan orang tuduh UMNO di bawah Tunku Abdul Rahman akan menjual negeri Melayu kepada orang Cina.

* * *

Pada 1 Februari yang lalu UMNO Singapura telah mengadakan satu perayaan di rumah persekutuan Arab Singapura dengan mengadakan istiadat menaikkan bendera UMNO. Cara ini menunjukkan bahawa mereka bersuka cita dengan hari Federation itu pada hal sepatutnya hari itu dijadikan hari bergabung oleh sebab dengan adanya hari itu orang-orang Melayu Singapura telah diasingkan daripada orang Melayu *Federation*. Jadi langkah itu adalah suatu langkah seakan beristiadat orang, beristiadat awak pada hal kedudukan tak sama

* * *

Tatkala diadakan oleh ustaz Said Ramdān di rumah Jam'iyyah Pada malam 17 Februari yang lalu seorang telah ditanya tentang keadaan Pertubuhan “Bintu al-Nīl” yakni pertubuhan Anak-Anak Perempuan Sungai Nil yang menuntut hak-hak keperempuan secara moderen. daripada jawapan yang diberi

Said Ramadhan menerangkan bahawa pertubuhan

itu asal-asalnya boleh dibilang dengan jari dan pakaianya cara Perancis yang moden sekali serta rupa mereka pun cantik-cantik belaka. Oleh yang demikian mereka mudah sahaja

mengikut wartawan membesar-besaran berita-berita

itu di luar negeri orang tertarik kepada mereka. Cerita ini menjadikan kita teringat kepada pertubuhan kebijakan kaum ibu di Singapura yang beritanya selalu heboh tersiar padahal isinya tin kosong dan wartawan-wartawan kerap kali “dijamu” apabila mereka dikehendaki menyiarangkan berita-beritanya.

* * *

Bahan-bahan telah hebat menimpa orang-orang Belanda di Holland dan kerana menunjukkan timbang rasa itu Pesuruhjaya Indonesia Susanto telah meminta kepada orang-orang Muslimin di sana mengadakan sembahyang ghaib pada hari ahad. Perkara ini telah memeranjatkan orang-orang Islam di Indonesia dan akhbar-akhbar Islam pun telah membidasnya. Yang demikian ini tidak akan berlaku sekiranya di dalam tiap-tiap kedutaan itu sebelum mengadakan satu syor tentang agama meminta nasihat daripada ahli-ahlinya oleh kerana sembahyang ghaib itu hanya diadakan bagi orang Islam sahaja- tidak orang kafir. inilah dia kalau terlampau hendak berbuat baik dan kalau tidak tahu hal agama mencampuri agama – Cemeti Al-Farouk.



KOPI PAHIT